

17/04/1999

Pemuda berikrar sokong PM

ALOR STAR, Jumaat - Pergerakan Pemuda Umno berikrar akan terus mempertahankan kepemimpinan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang menerima kecaman hebat pelbagai pihak, terutama parti pembangkang dan penyokong reformasi.

Sebagai sayap kanan perjuangan Umno, Pemuda tidak akan membiarkan Perdana Menteri diserang habis-habisan dari pelbagai sudut sama ada dari dalam atau luar negara.

Pemangku Ketuanya, Datuk Hishammuddin Tun Hussein berkata, Pemuda Umno tidak pernah gentar kepada ancaman pihak terbabit kerana barisan pelapis kepemimpinan Umno itu sentiasa bersedia untuk berjuang mempertahankan kepemimpinan Umno.

Beliau berkata demikian pada majlis perasmian persidangan perwakilan Pergerakan Pemuda Umno Bahagian Alor Star, di sini malam tadi.

Menurutnya, beliau sebagai pemimpin Pemuda akan memastikan perjuangan Pemuda untuk memenuhi Wawasan 2020 tidak akan melupakan tugas menangkis serangan parti pembangkang yang semakin lantang bersuara.

"Pemuda sebagai benteng waja dan sayap kanan perjuangan Umno akan berjuang hingga titisan darah terakhir.

"Pemuda Umno ingin menghantar isyarat jelas dan amaran yang keras kepada Pas, DAP, KeADILan dan parti pembangkang yang lain supaya jangan membuat sesuatu yang menggugat keutuhan Umno", katanya.

(END)